

**Hubungkait antara Kemahiran Insaniah Prasiswazah  
dengan Dimensi Hubungan Organisasi-publik**  
*(The Relationship between Under Graduate Soft Skills  
and Dimension of Organization-public Relation)*

CHANG PENG KEE, FAUZIAH AHMAD, & FARIDAH IBRAHIM

ABSTRAK

Organisasi sentiasa memberi tumpuan kepada publik yang mempunyai kepentingan dalam penentuan hayatnya. Dalam konteks institusi pengajian tinggi, graduan merupakan publik yang utama di mana kebolehpasaran mereka merupakan pengukur usaha sesebuah universiti dalam pembangunan sumber manusia. Terdapat dua dimensi hubungan organisasi dengan publik iaitu hubungan komunal dikatakan lebih memberi perhatian terhadap persekitaran; manakala hubungan pertukaran lebih cenderung kepada kepentingan diri organisasi dari pandangan publik tertentu. Dari perspektif yang berbeza terhadap dua dimensi hubungan ini, terdapat persoalan hubung kait antara kemahiran insaniah pelajar yang dikatakan sebagai penentu kebolehpasaran setelah tamat pengajian nanti. Permasalahan ini telah mencungkil minat para penyelidik untuk melaksanakan kajian rintis untuk meninjau pandangan prasiswazah sesebuah universiti tentang persepsi mereka terhadap hubungan universiti-pelajar dan seterusnya dikaitkan dengan tujuh aspek ukuran kemahiran insaniah iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional, dan kemahiran kepemimpinan. Persepsi dari 115 pelajar telah berjaya ditinjau melalui kaedah tinjauan bersemuka. Hubungan komunal didapati mempunyai hubungan positif dengan kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, dan kemahiran keusahawanan manakala hubungan pertukaran berhubungan songsang dengan etika dan moral profesional.

Kata kunci: Ukuran hubungan organisasi-publik, kemahiran insaniah, kebolehpasaran graduan, pembangunan sumber manusia, perhubungan awam.

*ABSTRACT*

*Organization has always placed emphasis on the publics who would determine its life span. In the context of higher education institution, graduates are the main public whereby their marketability is the key measurement of a university's effort in the human resources development. There are two types of organizational relationship from public perspectives. The communal relationship is said to focus more on the surrounding and of balance effect, whereas exchange relationship is more inclined to organizational self interest from public viewpoint. From a different perspective on these two types of relationship, question arises to see if the correlation between the student's soft skill as claimed, is the determinant of their future employability after graduation. This problem has definitely tapped the researchers' interest to conduct an empirical study to examine the views of final year university undergraduates regarding the relationship of university-student and then to relate it to the seven dimensions of soft skills, namely communication skills, critical and problem solving skills, teamwork skills, continuous learning and information management skills, entrepreneurship skills, professional moral and ethics as well as leadership skills. Perceptions from 115 students were studied through face-*

*to-face survey method. Communal relationship was proven relationally positive with communication skills, critical and problem solving skills, teamwork skills, continuous learning and information management skills, and entrepreneurship skills whilst exchange relationship was inversely related with professional moral and ethics.*

**Keywords:** Organization-public relationship measurement, soft skills, graduate marketability, human resource development, public relations

## PENDAHULUAN

Untuk kekal lama dalam persekitaran, semua organisasi tidak boleh lepas dari memberi tumpuan kepada publik yang mempunyai kepentingan dalam penentuan hayatnya. Tidak kira di mana-mana institusi pengajian tinggi, graduan merupakan publik yang utama dan kebolehpasaran mereka dianggap pengukur usaha sesebuah universiti dalam pembangunan sumber manusia. Dalam konteks ini, graduan boleh dikatakan sebagai modal insan hasil dari usaha peningkatan nilai tenaga manusia oleh universiti tersebut. Graduan sentiasa membawa imej yang melambangkan kualiti *alma mater* atau universiti di mana mereka menuntut ilmu dahulu. Kejayaan mereka dalam pasaran pekerjaan atau perniagaan selepas tamat pengajian sudah tentu membawa kepada peningkatan imej bagi institusi dan pendidik yang pernah mengasuh mereka. Sebaliknya, kegagalan mereka juga akan menjelaskan reputasi institusi dimana mereka pernah belajar

Sebelum tamat pengajian, seseorang pelajar tentu akan membina hubungan antara rakan-rakan dan dengan universiti di mana mereka belajar. Hon & Grunig (1999) mengenal pasti dua dimensi hubungan organisasi dengan publik mereka dari persepsi publik tertentu. Hubungan komunal (*communal relationship*) dikatakan organisasi yang lebih memberi perhatian terhadap persekitaran dan kebajikan sosial; manakala hubungan pertukaran (*exchange relationship*) pula dianggap lebih cenderung kepada kepentingan diri organisasi. Seltzer & Mitrook (2009) pernah mengembangkan penyelidikan dari pengukuran kedua-dua hubungan komunal dan pertukaran demi meneliti persetujuan publik dalam hubungan koorientasi (*coorientational relationship*). Hasil dari penyelidikan ini, timbul pula persoalan apakah pula pengembangan dari pengukuran kedua-dua hubungan tersebut dalam kajian yang

bakal dilakukan untuk meneliti kebolehpasaran graduan sesebuah universiti pula? Untuk menilai kejayaan graduan dalam pasaran pekerjaan atau perniagaan, apakah ukuran hubungan universiti-pelajar atau dalam konteks lebih luas iaitu hubungan organisasi-publik harus diberi perhatian oleh pembuat dasar untuk menjana kebolehpasaran graduan?

Dari persepsi yang berbeza terhadap dua dimensi hubungan tersebut, apakah hubung kait dengan kemahiran insaniah pelajar yang dianggap sebagai penentu kebolehpasaran setelah tamat pengajian nanti? Permasalahan ini telah menyebabkan para penyelidik melaksanakan kajian rintis untuk meninjau pandangan prasiswazah sesebuah universiti tentang persepsi mereka terhadap hubungan universiti-pelajar dan seterusnya dikaitkan dengan tujuh aspek ukuran kemahiran insaniah iaitu (1) kemahiran berkomunikasi, (2) kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah, (3) kemahiran kerja berpasukan, (4) pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, (5) kemahiran keusahawanan, (6) etika dan moral profesional, dan (7) kemahiran kepimpinan.

Kajian rintis ini melibatkan bakal graduan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan teori hubungan organisasi-publik yang dibentuk oleh Hon & Grunig (1999) dalam mengukur kebolehpasaran graduan. Sehubungan itu, kajian ini ingin: (a) mengenal pasti sejauh mana hubungan di antara pencapaian akademik pelajar dengan persepsi terhadap kedua-dua hubungan komunal dan hubungan pertukaran; dan (b) mengenal pasti sejauh mana pencapaian akademik pelajar serta persepsi terhadap hubungan komunal dan hubungan pertukaran memainkan peranan dalam penjanaan kebolehpasaran mereka dengan penilaian tahap kemahiran insaniah.

## SOROTAN LITERATUR

Perhubungan awam didapati memainkan peranan penting dalam pengurusan hubungan yang menguntungkan pelbagai pihak antara organisasi dan publik-publik utama (Cutlip et. al. 1985). Chang & Musa (2006) pula berpendapat bahawa adalah penting untuk aktiviti perhubungan awam dinilai dengan ukuran ekonominya. Dalam pada itu, sarjana dalam bidang ini (seperti Grunig, 1992; Huang, 2001; Ledingham & Bruning, 2000) mendapati bahawa memang terdapat sumbangan kewangan dari kerja-kerja perhubungan awam.

Bagi membantu pengamal perhubungan awam dalam mengukur aktiviti mereka, khususnya dalam hubungan organisasi dan publik-publik tertentu, Hon & Grunig (1999) telah mencadangkan satu panduan demi menilai pencapaian organisasi dengan pengenalan Skala Pengukuran Perhubungan Awam atau *Public Relations Measurement Scale*. Skala ini telah melalui proses penambahbaikan oleh sarjana perhubungan awam lain seperti Grunig & Huang (2000), Huang (2001), Kim (2001), dan Samsup et. al. (2004). Namun di Malaysia, kajian mengenai pengukuran tersebut masih berkurangan.

Pengkaji percaya bahawa ukuran skala tersebut mempunyai nilai kesahan yang tinggi. Ukuran hubungan organisasi-publik yang asal dibina oleh Hon & Grunig (1999) melibatkan empat pemboleh ubah bebas iaitu kepercayaan, kepuasan, komitmen, dan kawalan bersama yang dikatakan sebagai penentu kepada perasaan yang menimbulkan persepsi terhadap hubungan komunal dan hubungan pertukaran. Hubungan komunal timbul dari anggapan bahawa kedua-dua belah pihak memberi manfaat antara satu sama lain kerana mereka mengambil berat tentang kesejahteraan pihak satu lagi, walaupun mereka mungkin tidak mendapat sebarang pulangan. Konsep ini bersesuaian dengan falsafah tanggungjawab sosial yang dialukan dalam profesion perhubungan awam. Manakala, hubungan pertukaran pula lebih berbau perniagaan di mana satu pihak yang memberi manfaat kepada pihak lain adalah disebabkan mereka telah diberi manfaat pada masa lalu atau dijangka akan menerima pada masa hadapan.

Hubungan antara manusia yang paling awal dianggap bermula dengan konsep pertukaran yang sentiasa berusaha mengimbangkan nisbah *input* dan *output* mereka. Pertukaran adalah sesuatu yang berlaku dalam hubungan pemasaran di antara organisasi dengan pelanggannya. Perhubungan awam diterima umum sebagai satu fungsi pengurusan yang dikenal pasti mampu mewujudkan dan mengekalkan hubungan organisasi dengan publik-publik yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan tersebut. Bidang profesion ini melibatkan usaha komunikasi terancang yang sentiasa meninjau pendapat publik dan mewujudkan komunikasi yang sesuai supaya terjalin hubungan antara publik dengan organisasinya.

Dengan kata lain, dua jenis hubungan dari pandangan publik tertentu dapat dikenal pasti dalam hubungan antara organisasi dengan publik. Pertamanya ialah hubungan komunal atau *communal relationship*. Dalam hubungan ini, organisasi dianggap sebagai melakukan sesuatu sebagai kebajikan walaupun mereka percaya bahawa mereka tidak akan mendapat sebarang balasan hasil dari usaha mereka itu. Dalam perkara ini, organisasi diharapkan supaya melakukan sesuatu kebaikan untuk komuniti walaupun organisasi menerima sedikit atau tiada sebarang pulangan. Keduanya ialah hubungan pertukaran atau *exchange relationship*. Dalam hubungan ini, sesebuah organisasi hanya akan memberi faedah kepada publik yang turut memberi faedah kepadanya. Organisasi dipandang sebagai menjaga pihak yang mana akan memberi ganjaran kepada organisasi tersebut. Keadaan ini berlaku kerana organisasi tersebut mengharapkan pulangan dengan menerima faedah setanding dengan apa yang diberikan.

Mengenai kebolehpasaran graduan pula, hampir kesemua institusi pengajian tinggi awam di Malaysia telah melaksanakan modul kemahiran insaniah atau *soft skills* sejak 2007 untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran pelajar mereka. Usahaini bertujuan menyediakan laluan kerjaya alternatif untuk lepasan universiti dan menyediakan peluang rangkaian strategik. Banyak kajian telah dijalankan oleh penyelidik di Institut Penyelidikan Tinggi Negara menunjukkan beberapa dapatan yang berkaitan dengan masalah pengangguran

graduan universiti tempatan. Dapatan yang diperoleh daripada Morshidi et. al. (2004) mendapati kaitan pengangguran dengan tempat kerja adalah lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris, masalah berkomunikasi dan sebagainya. Begitu juga Ratna & Fazal (2008) mengetengahkan keperluan kemahiran asasyang berkaitan dengan bahasa, komunikasi, kerja secara berkumpulan dan sikap keperibadian yang amat diperlukan dalam menghadapi cabaran pasaran pekerjaan setelah tamat pengajian nanti. Manakala, Ambigapathy & Aniswal (2005) pula menekankan kepentingan daya kreativiti dan kemahiran berfikir dalam penyelesaian masalah kerja yang harus dilengkapi oleh seseorang graduan. Kajian yang dijalankan oleh Faridah et. al. (2010) di seluruh negara menunjukkan ketujuh-tujuh kemahiran insaniah yang di kemukakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia adalah selari dengan apa yang dicadangkan oleh bakal-bakal majikan yang ditemui bual. Kajian ini telah mengenal pasti pemikiran analitis dan kritikal sebagai salah satu kemahiran yang amat penting yang harus di pupuk dalam pemikiran pelajar-pelajar universiti selain dari pemikiran strategik, semangat keperwiraan dan kecenderungan inovasi.

Dapatan beberapa kajian yang dilakukan di Institut Penyelidikan Tinggi Negara seperti dinyatakan di atas dapat dirumuskan kepada beberapa dimensi kemahiran insaniah. Dalam kajian ini, modul *Penerapan Kemahiran Insaniah Melalui Kursus Kokurikulum* yang diperkenalkan di Universiti Kebangsaan Malaysia yang merangkumi tujuh dimensi adalah diadaptasikan. Kemahiran insaniah yang dikaji merangkumi kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional, dan kemahiran kepimpinan.

Kajian yang hampir serupa dengan kajian ini telah dilakukan oleh Noriah (2009). Kajian beliau cuba melihat hubungan individu dengan organisasi dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi individu mengadaptasi dengan mudah dan cemerlang bersama sesebuah organisasi. Bezanya cuma kajian Noriah et. al. (2000) melihat kepada kepintaran

emosi sementara kajian ini melihat kepada tujuh ciri-ciri kemahiran insaniah. Hasil dari kedua-dua kajian ini, keputusan menunjukkan pembolehubah-pembolehubah yang kedua-dua kajian utarakan adalah saling berkaitan dari segi kognitif dan pemikiran individu. Seperti saranan Goleman (1996), beliau menyatakan cara majikan memilih pekerja sudah berubah. Ia bukan lagi hanya bergantung kepada kebolehan akademik semata-mata, malah yang lebih penting lagi individu yang ingin memohon pekerjaan tersebut perlu mempunyai kepintaran emosi yang tinggi.

Konsep kepintaran emosi yang diguna pakai oleh Noriah (2009) bersandarkan kepada konsep kepintaran emosi yang dicadangkan oleh Goleman (1996) yang dilihat sebagai satu ciri peribadi yang terhasil dari kesan interaksi seseorang dengan persekitaran dan dipengaruhi oleh budaya sesuatu masyarakat setempat. Kajian ini merumuskan bahawa kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional, dan kemahiran kepimpinan adalah termasuk di bawah naungan payung konsep kepintaran emosi yang diguna pakai oleh Noriah (2009). Dalam perancangan bahagian sumber manusia, sebuah organisasi pasti meletakkan ciri-ciri individu yang mereka akan rekrut untuk bekerja dengan organisasi mereka.

Laporan media massa (*Berita Harian*, 2006) pula telah menyuarakan beberapa kelemahan graduan tempatan termasuk dari aspek keterampilan diri yang mantap sehingga menjelaskan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Graduan tempatan dikatakan kurang mahir berkomunikasi dengan berkesan, kurang reseptif terhadap proses pembelajaran, dan mempunyai sifat yakin diri yang rendah. Justeru, mempunyai kedua-dua konsep kognitif kepintaran emosi dan kemahiran insaniah ini adalah satu hubungan simbiosis atau boleh dikira sebagai hubungan komunal yang sangat diperlukan sebaik pelajar keluar menjelaskan kaki ke dunia pekerjaan. Hubungan universiti-pelajar harus dipelihara supaya sepanjang pembelajaran pelajar di universiti, mereka sentiasa diingatkan dan


didedahkan dengan pelbagai persiapan diri untuk menjadi individu yang mampu berkomunikasi dan berketerampilan diri yang tinggi supaya dihargai oleh organisasi.

## METODOLOGI

Kajian rintis dirancang dengan memperoleh sasaran 115 orang pelajar prasiswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia, kampus Bangi. Borang soal selidik dilengkapi soalan-soalan berstruktur dengan ukuran pencapaian akademik PNGK, dua dimensi hubungan organisasi-publik, dan tujuh dimensi kemahiran insaniah telah diedarkan kepada pelajar-pelajar tahun akhir dari Gugusan Sains Sosial dan Gugusan Sains Teknologi. Segala boleh ubah yang ingin diteliti menepati rangka penyelidikan seperti dalam Rajah 1.

Kajian ini menggunakan tinjauan melalui kaedah temu bual bersemuka. Bagi peringkat awal dalam kajian rintis ini, sampel yang dipilih adalah secara sukarela dan hanya ditujukan kepada 60 pelajar tahun akhir dari kedua-dua gugusan pengajian. Ciri-ciri demografi tidak diambil kira dalam pensampelan kajian. Pandangan responden diukur dengan skala Likert lima takat bersesuaian dengan ukuran skala selang di mana 1 = sangat rendah, 2 = rendah, 3 = sederhana, 4 = tinggi, 5 = sangat tinggi. Skor min diperoleh dengan menjumlahkan semua skor dan dibahagi dengan bilangan butiran dalam setiap boleh ubah. Maka, nilai skor min tetap di antara 1 hingga 5 dan sekiranya melebihi 3 bermaksud menuju ke tahap tinggi, dan sebaliknya kurang daripada 3 membawa maksud menuju ke tahap rendah.

Pemboleh Ubah Bebas



Pemboleh Ubah Terikat

Pembentukan instrumen untuk ukuran hubungan organisasi-publik adalah berdasarkan butiran-butiran yang dicadangkan oleh Hon & Grunig (1999). Dalam pada itu, empat dimensi pemboleh ubah bebas iaitu kepercayaan, kepuasan, komitmen, dan kawalan bersilang tidak diteliti dalam kajian rintis ini. Yang diberi tumpuan adalah butiran-butiran mengenai dua dimensi pemboleh ubah yang lain iaitu hubungan komunal dan hubungan pertukaran. Dua dimensi ini diberi perhatian di samping ukuran kebolehpasaran atau *marketability* yang dinilai dengan tujuh dimensi kemahiran insaniah yang dirumuskan dari kajian-kajian di Institut

Penyelidikan Tinggi Negara. Butiran-butiran yang diaplikasikan dalam kajian ini untuk setiap dimensi kemahiran insaniah merangkumi:

### K1: Kemahiran berkomunikasi:

- Kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan, secara lisan dan bertulis.
- Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas.
- Kebolehan untuk membuat pembentangan yang terang dengan penuh keyakinan bersesuaian dengan tahap pendengar.

K2: Kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah:

- Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur serta membuat penilaian yang berjustifikasi.
- Kebolehan memperkembangkan dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan.
- Kebolehan untuk mencari idea dan penyelesaian alternatif.

K3: Kemahiran kerja berpasukan:

- Kebolehan untuk membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama untuk mencapai objektif yang sama.
- Kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan.
- Kebolehan mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain.

K4: Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat:

- Kebolehan mencari dan menguruskan maklumat berkaitan daripada pelbagai sumber.
- Kebolehan menerima idea baru dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi.

K5: Kemahiran keusahawanan:

- Kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan.
- Kebolehan merangka perancangan perniagaan.

K6: Etika dan moral profesional:

- Kebolehan memahami kesan ekonomi, alam sekitar dan sosiobudaya dalam amalan profesional.
- Kebolehan menganalisis dan membuat keputusan di dalam menyelesaikan masalah berkaitan etika.

K7: Kemahiran kepimpinan:

- Pengetahuan tentang teori asas kepimpinan.
- Kebolehan untuk memimpin projek.

Penganalisisan data menggunakan kaedah kuantitatif. Selain dari huraian kekerapan dan min, statistik inferensi digunakan untuk membuat jangkaan sumbangan setiap pemboleh ubah bebas kepada pemboleh ubah terikat. Korelasi separa atau *partial correlation* merupakan prosedur yang digunakan. Prosedur ini dapat mengenal pasti perhubungan *linear* antara dua pemboleh ubah kajian dengan mengawal pemboleh ubah lain yang mempunyai perhubungan linear dengan kedua-dua pemboleh ubah yang ingin diuji itu. Dalam erti kata lain, korelasi separa digunakan dalam kajian ini bagi meneliti hubungan yang ingin dikenal pasti dengan mengawal kesan kovariat atau pemboleh ubah kawalan. Tahap keyakinan untuk semua ujian adalah 95% dengan  $\alpha = .05$ . Namun untuk tujuan mengawal ralat jenis 1 kaedah *Bonferroni* dalam ujian korelasi separa,  $\alpha_{pb} = .0167$  untuk ujian tiga pemboleh ubah dan  $\alpha_{pb} = .0083$  untuk ujian empat pemboleh ubah digunakan (Chua, 2009).

## DAPATAN KAJIAN

Persepsi dari 115 orang pelajar prasiswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia, kampus Bangi telah berjaya ditinjau dengan kaedah tinjauan bersemuka. Merujuk kepada Jadual 1, peratusan responden dari Gugusan Sains Sosial (50.4%) dan Gugusan Sains Teknologi (49.6) adalah hampir seimbang. Kebanyakan responden adalah perempuan (56.3%) dan beretnik Melayu (68.7%). Secara purata, umur mereka adalah 22.5 tahun.

Pencapaian akademik mereka adalah memuaskan dengan min PNGK  $M = 3.18$  ( $S.D. = .316$ ) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2. Skor min untuk kedua-dua ukuran hubungan universiti-pelajar turut dinyatakan. Pelajar beranggapan baik terhadap ukuran hubungan komunal dengan  $M = 3.63$  ( $S.D. = .627$ ); manakala skor min untuk hubungan pertukaran adalah  $M = 2.53$  ( $S.D. = .518$ ) iaitu antara sederhana dengan rendah. Ini bermakna pelajar yang ditemui bual memang berpandangan positif terhadap hubungan dengan universiti mereka.

Secara umumnya, pelajar memperoleh skor yang agak memuaskan untuk kemahiran insaniah yang merupakan petunjuk kepada

### JADUAL 1: Profil Responden

Ciri-Ciri	Kategori	Bilangan	Peratus %
Gugusan	Sains Sosial	58	50.4
	Sains Teknologi	57	49.6
Jantina	Perempuan	65	56.5
	Lelaki	50	43.5
Etnik	Melayu	79	68.7
	Cina	25	21.7
Umur	India	11	9.6
	21 tahun	7	6.1
	22 tahun	51	44.3
	23 tahun	53	46.1
	24 tahun	4	3.5

### JADUAL 2: Skor Min Pemboleh Ubah Bebas

Pencapaian Akademik & Hubungan	N	Min	Sisihan Piawai
PNGK <sup>a</sup>	115	3.18	.316
Hubungan Komunal <sup>b</sup>	115	3.63	.627
Hubungan Pertukaran <sup>b</sup>	115	2.53	.518

Nota: <sup>a</sup> skor maksimum = 4; <sup>b</sup> skor minimum = 1 dan maksimum = 5.

### JADUAL 3: Skor Min Pemboleh Ubah Terikat

Kemahiran Insaniah	N	Min	Sisihan Piawai
K1: Kemahiran Berkomunikasi	115	3.51	.316
K2: Kemahiran Kritis & Menyelesaikan Masalah	115	3.48	.265
K3: Kemahiran Kerja Berpasukan	115	3.28	.520
K4: Pembelajaran Berterusan & Pengurusan Maklumat	115	3.26	.492
K5: Kemahiran Keusahawanan	115	3.23	.248
K6: Etika & Moral Profesional	115	3.24	.493
K7: Kemahiran Kepimpinan	115	3.23	.215

Nota: Skor minimum = 1 dan maksimum = 5.

kebolehpasaran mereka. Seperti skor min yang ditunjukkan dalam Jadual 3, pelajar mendapat skor yang paling tinggi untuk kemahiran berkomunikasi  $M = 3.51$  ( $S.D. = .316$ ) dan paling rendah untuk kemahiran kepimpinan  $M = 3.23$  ( $S.D. = .215$ ). Skor min untuk lima kemahiran yang lain berada di lingkungan kedua-dua nilai tersebut. Semua skor min berkedudukan di antara tidak pasti dengan setuju. Dengan kata lain, pelajar berpandangan bahawa mereka sedang dilengkapi dengan keupayaan kebolehpasaran.

Terlebih dahulu, ketiga-tiga pembolehubah bebas adalah dipantau seperti dinyatakan dalam objektif pertama. Uji korelasi separa dengan  $\alpha_{pb} = .0167$  digunakan untuk meneliti hubung kait di kalangan mereka. Dari nilai-nilai koefisien korelasi dan signifikan yang dinyatakan dalam Jadual 4, hanya pertalian antara hubungan komunal dan hubungan pertukaran mencapai signifikan pada tahap keyakinan 95% di mana  $r_{KTP} (112) = -.467$ ,  $p = .000$ . PNGK tidak dapat dibuktikan hubungkaitnya yang signifikan dengan sama ada hubungan komunal [ $r_{PK.T} (112) = .131$ ] atau hubungan pertukaran [ $r_{PT.K}$

JADUAL 4: Hubung Kait Di Kalangan Pemboleh Ubah Bebas

Hubung kait antara:	Kawalan	Koefisien	Signifikan
PNKG & Hbg. Komunal	Hbg. Pertukaran	.131	.083
PNGK & Hbg. Pertukaran	Hbg. Komunal	-.126	.091
Hbg. Komunal & Hbg. Pertukaran	PNGK	-.467	.000

Nota: Hubungan dua hala.

(112) =  $-.126$ ]. Hubung kait antara pandangan hubungan komunal dengan pandangan hubungan pertukaran adalah bersifat songsang dan pada tahap yang sederhana.

Ujian seterusnya adalah untuk mengenal pasti sama ada pencapaian akademik berhubung kait secara langsung dengan kemahiran insaniah. Ujian separa dengan kawalan pengaruh hubungan komunal dan hubungan

pertukaran dilakukan ke atas tujuh kemahiran yang dibincangkan. Oleh kerana terdapat empat pemboleh ubah dalam ujian separa ini,  $\alpha_{pb} = .0083$  digunakan untuk tahap keyakinan 95% bersesuaian dengan tujuan mengawal ralat jenis 1 kaedah *Bonferroni*. Berdasarkan Jadual 5, tiada satu hasil ujian mencapai nilai signifikan yang kurang daripada  $\alpha_{pb}$  seperti dinyatakan.

JADUAL 5: Hubung Kait Antara PNGK Dengan Kemahiran Insaniah

Hubung kait antara:	Kawalan	Koefisien	Signifikan
PNKG & K1	Hbg. Komunal & Hbg. Pertukaran	.098	.150
PNGK & K2	Hbg. Komunal & Hbg. Pertukaran	.169	.037
PNGK & K3	Hbg. Komunal & Hbg. Pertukaran	.001	.496
PNGK & K4	Hbg. Komunal & Hbg. Pertukaran	.124	.096
PNGK & K5	Hbg. Komunal & Hbg. Pertukaran	-.146	.061
PNGK & K6	Hbg. Komunal & Hbg. Pertukaran	.077	.210
PNGK & K7	Hbg. Komunal & Hbg. Pertukaran	-.024	.401

Nota: Hubungan satu hala.

Maka semua hipotesis nul gagal ditolak yang membawa maksud tiada hubung kait dengan kemahiran insaniah dapat dibuktikan.

Manakala dalam ujian separa antara hubungan komunal dan kemahiran insaniah dengan kawalan pengaruh PNGK dan hubungan pertukaran, lima daripada tujuh ujian memperoleh  $p < .0083$  iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, dan kemahiran keusahawanan. Semua pertalian yang didapati signifikan itu adalah bersifat berarah positif atau berhubung kait secara langsung. Dari penelitian koefisien korelasi, hubungan dengan kemahiran kerja berpasukan hampir ke hubungan kuat dengan  $r_{K3.PT} (111) = .693$ . Hubungan sederhana didapati dibentuk dengan pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat [ $r_{K4.PT} (111) = .581$ ],

kemahiran berkomunikasi [ $r_{K1.PT} (111) = .447$ ], dan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah [ $r_{K2.PT} (111) = .418$ ]. Hubungan dengan kemahiran keusahawanan pula dikenal pasti sebagai rendah dengan  $r_{K5.PT} (111) = .269$ .

Dalam ujian separa antara hubungan pertukaran dan kemahiran insaniah dengan kawalan pengaruh PNGK dan hubungan komunal pula, semua keputusan statistik memperoleh  $p > .0083$  kecuali etika dan moral profesional yang mencapai  $p = .001$ . Ini bermakna pertalian antara hubungan pertukaran dengan etika dan moral profesional memang wujud dengan arah negatif atau berhubungan songsang yang signifikan pada tahap keyakinan 95%. Nilai koefisien korelasi yang diperoleh adalah rendah dengan  $r_{T7.PK} (111) = -.289$ .

Berdasarkan kesemua keputusan ujian yang diperoleh, dapat dirumuskan bahawa hubungkait di kalangan semua pemboleh ubah

JADUAL 6: Hubung Kait Antara Hubungan Komunal Dengan Kemahiran Insaniah


Hubung kait antara:	Kawalan	Koefisien	Signifikan
Hbg. Komunal & K1	PNGK & Hbg. Pertukaran	.447	.000
Hbg. Komunal & K2	PNGK & Hbg. Pertukaran	.418	.000
Hbg. Komunal & K3	PNGK & Hbg. Pertukaran	.693	.000
Hbg. Komunal & K4	PNGK & Hbg. Pertukaran	.581	.000
Hbg. Komunal & K5	PNGK & Hbg. Pertukaran	.269	.002
Hbg. Komunal & K6	PNGK & Hbg. Pertukaran	.147	.060
Hbg. Komunal & K7	PNGK & Hbg. Pertukaran	-.109	.126

Nota: Hubungan satu hala.

JADUAL 7: Hubung Kait Antara Hubungan Pertukaran Dengan Kemahiran Insaniah

Hubung kait antara:	Kawalan	Koefisien	Signifikan
Hbg. Pertukaran & K1	PNGK & Hbg. Komunal	-.045	.317
Hbg. Pertukaran & K2	PNGK & Hbg. Komunal	-.084	.187
Hbg. Pertukaran & K3	PNGK & Hbg. Komunal	-.092	.166
Hbg. Pertukaran & K4	PNGK & Hbg. Komunal	-.119	.105
Hbg. Pertukaran & K5	PNGK & Hbg. Komunal	-.133	.081
Hbg. Pertukaran & K6	PNGK & Hbg. Komunal	-.289	.001
Hbg. Pertukaran & K7	PNGK & Hbg. Komunal	-.099	.149

Nota: Hubungan satu hala.



seperti mana digambarkan pada Rajah 2.  
PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dari ujian yang telah dilakukan, pencapaian akademik pelajar yang diukur dengan PNGK didapati tidak wujud pertalian yang signifikan dengan kedua-dua hubungan komunal dan hubungan pertukaran. Malahan, PNGK juga tidak dapat menunjukkan sebarang hubungan yang signifikan dengan kesemua kemahiran insaniah. Pencapaian akademik yang secara umumnya sebahagian penunjuk kepada tahap pengetahuan dalam bidang tertentu tidak pasti ada kaitan dengan kemahiran insaniah seseorang pelajar. Maka, untuk meningkatkan kemahiran insaniah mungkin adalah lebih sesuai melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum dan bukannya pelajaran yang formal.

Dua boleh ubah bebas dalam kajian ini iaitu hubungan komunal dan hubungan pertukaran sudah pasti dengan kewujudan pertalian songsang yang signifikan. Mereka dibuktikan dengan peranan masing-masing dalam penjanaan dimensi kemahiran insaniah tertentu. Pandangan hubungan komunal menjadi peramal yang baik untuk lima daripada tujuh dimensi kemahiran insaniah, iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran

kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, dan kemahiran keusahawanan. Kesemua hubungan itu adalah secara langsung dan kebanyakannya adalah pada tahap sederhana. Manakala, pandangan hubungan pertukaran dibuktikan dengan pertalian songsang pada tahap hubungan yang rendah dengan hanya satu dimensi sahaja iaitu etika dan moral profesional. Terdapat satu lagi dimensi tidak berkaitan dengan mananya boleh ubah bebas iaitu kemahiran kepimpinan. Ini mungkin disebabkan kepimpinan seseorang pelajar harus diasuh atau dilatih dengan kaedah lain.

Sekiranya kemahiran insaniah boleh dijadikan pengukur kepada kebolehpasaran graduan, maka kajian ini membawa kepada implikasi bahawa pengurusan hubungan organisasi-publik harus dititikberatkan sepanjang pengajian pelajar di universiti. Selari dengan pandangan Hon & Grunig (1999) yang mengatakan bahawa perhubungan awam boleh memainkan peranannya dengan proses komunikasi berlaku dalam jangka masa panjang dalam sesebuah organisasi. Ini boleh dijadikan saranan supaya institusi pengajian tinggi memberi perhatian kepada hubungan dengan publik yang membawa keutamaan

kepada organisasinya.

Keputusan ujian yang dijalankan menunjukkan pencapaian akademik pelajar dari ukuran NPGK tiada hubungan signifikan dengan hubungan komunal dan pertukaran. NPGK juga tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan semua kemahiran insaniah. Pencapaian akademik sebagai penunjuk kepada tahap pengetahuan pelajar dalam hubungan tertentu dengan kemahiran insaniah adalah tidak pasti. Justeru, adalah lebih efektif untuk meningkatkan kemahiran insaniah melalui aktiviti ko-kurikulum dan bukan melalui pembelajaran secara formal.

Keputusan keseluruhan kajian ini juga menunjukkan pengenalan kepada beberapa kemahiran insaniah dalam kurikulum dan kaedah pengajaran menunjukkan hubungan positif dan bertentangan dengan hubungan kebolehpasaran graduan Hon & Grunig (1999). Walau bagaimanapun, kajian dapat melihat bahawa tidak semua pelajar mampu menunjukkan kecemerlangan merentas semua ciri kemahiran insaniah apabila tamat pengajian. Selain dari tahap kepandaian yang tidak menunjukkan hubungan dengan dua dimensi yang dikenal pasti oleh Hon & Grunig (1999), mungkin mereka yang berkedudukan di belakang (*laggards*) adalah lambat untuk memenuhi kemahiran insaniah kerana faktor luaran yang tidak termasuk dalam kajian ini dan ini mungkin termasuk profil personaliti jenis A dan B, latar belakang sosio-ekonomik yang berbeza, pengaruh rakan sebaya dan pembolehubah dominan seperti nilai dan norma.

Secara logiknya, transformasi kurikulum dan pendekatan pengajaran universiti tidak menjana keputusan positif dalam jangka masa yang singkat. Walau jumlah perbelanjaan yang besar disediakan dan tenaga akademik di beri taklimat, pencapaian yang positif akan tetap mengambil masa yang panjang. Ini tidak bermakna usaha transformasi harus diabaikan. Perubahan sikap dalaman dalam kalangan modal insan mengambil usaha berterusan dalam jangka masa yang panjang.

Dalam kajian ini, dua pembolehubah iaitu hubungan komunal dan hubungan pertukaran didapati mempunyai hubungan songsang yang signifikan. Mereka dikenal pasti berperanan

menjana dimensi kemahiran insaniah tertentu. Perspektif hubungan komunal menjadi peramal yang baik untuk lima daripada tujuh dimensi kemahiran insaniah iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran berkumpulan, pembelajaran berterusan pengurusan maklumat dan kemahiran keusahawanan. Kesemua hubungan ini adalah secara terus dan kebanyakannya berada pada tahap sederhana. Sementara itu, perspektif hubungan pertukaran terbukti mempunyai hubungan songsang pada tahap rendah dengan dimensi etika profesional dan moral. Ada satu dimensi yang tidak ada hubungan dengan mana-mana pemboleh ubah iaitu kemahiran kepimpinan. Ini mungkin kerana kepimpinan pelajar harus dibentuk dan dilatih dengan kaedah lain.

Walaupun kemahiran kepimpinan penting secara holistik dan modal insan secara keseluruhan, penyemaian nilai kepimpinan dengan ciri kemahiran insaniah yang lain tidak menunjukkan pelaksanaan yang betul dan sebenar. Keputusan kajian menyatakan kemahiran kepimpinan seelok-eloknya di asingkan dan diberi pendekatan lain untuk keputusan yang lebih baik. Adalah bagus bagi pihak universiti untuk memberi perhatian pada pelaksanaan kemahiran kepimpinan yang wajar dalam kalangan pelajar kerana pembangunan ekonomi negara bergantung pada pemimpin yang berkebolehan dan berpandangan jauh.

Selain dari kaedah yang dinamik dan kurikulum berkaitan diperkenalkan pada pelajar, beberapa kemahiran insaniah patut di berikan secara berlainan untuk mendapat keputusan yang baik. Ini termasuklah perbincangan secara berkumpulan dan penyertaan dalam aktiviti dan khidmat komuniti untuk memupuk perkembangan kepimpinan, kerja berkumpulan dan kualiti personal dan inter-personal. Justeru, ini memerlukan penilaian semula pelaksanaan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar.

Jika kemahiran insaniah boleh menjadi pengukur utama pada kebolehpasaran graduan, maka kajian ini memberi implikasi bahawa hubungan universiti dan publik harus dilihat dengan lebih serius sepanjang pembelajaran pelajar. Pusat pengajian tinggi boleh memberi perhatian pada publik yang paling penting pada organisasi. Ini selaras dengan pandangan Hon & Grunig (1999) yang mengatakan hubungan

publik boleh memainkan peranan dalam proses komunikasi secara berterusan dalam organisasi. Pusat pengajian tinggi harus memberi tumpuan dengan hubungan dengan publik yang paling penting pada organisasinya.

Dalam menguruskan hubungan universiti-pelajar, mewujudkan hubungan simbiosis adalah penting bagi kedua-dua belah pihak. Ini merujuk pada asosiasi interpersonal antara individu yang mengambil berat tentang apa yang rakan seperjuangan mereka dapat daripada apa yang mereka sendiri terima atau hubungan di mana tujuan sebenar adalah untuk menjadi responsif pada kehendak pihak yang lain dari definisi hubungan komunal. Oleh itu, universiti perlu membina hubungan komunal dengan publik sebelum pertukaran terjadi. Organisasi seperti sebuah universiti harus memanfaatkan peluang untuk membina reputasi yang menunjukkan keprihatinan terhadap hubungan komunal dan mengalami kurang tentangan dan lebih sokongan untuk waktu yang lama dari publik. Ini adalah mungkin kerana kajian ini telah membuktikan hubungan komunal mampu menjana kemahiran insaniah dan ia adalah peramal yang baik untuk lima daripada tujuh dimensi kemahiran insaniah.

## KESIMPULAN

Peranan universiti adalah melahirkan graduan yang berpengetahuan dengan menyediakan tenaga pengajar yang berkelayakan, kemudahan infrastruktur yang mencukupi dan berteknologi. Peranan universiti sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga bukan sahaja memberikan ilmu pengetahuan, membolehkan pelajarnya menimba pengalaman ketika proses pembelajaran malah memastikan graduannya dilengkapkan dengan pelbagai kemahiran samada kemahiran *soft skill* atau *hard skill* bagi meningkatkan kompetensi mereka. Skala pengukuran bagi hubungan organisasi-publik mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dalam konteks hubungan university-pelajar. Dapat kajian membuktikan persepsi publik terhadap hubungan yang terjalin dengan organisasi boleh diukur dengan menggunakan skala pengukuran yang diperkenalkan oleh Hon & Grunig (1999). Keputusan daripada

dapatkan kajian boleh dijadikan kayu pengukur kepada pihak universiti dalam menilai program akademik mahupun kurikulum bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran pelajar yang merupakan publiknya. Misalnya, hubungan komunal yang didapati menjadi peramal yang baik untuk lima daripada tujuh dimensi kemahiran insaniah yang telah dinyatakan di atas menunjukkan hubungan yang baik tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran daripada kedu-dua belah pihak meningkatkan lagi kebolehpasaran pelajar apabila berada di alam pekerjaan kelak.

Beberapa limitasi kajian telah dikenal pasti. Pertama, kajian ini hanya terhad kepada pelajar Gugusan Sains Sosial dan Gugusan Sains Teknologi sahaja, maka ianya tidak tidak mewakili semua pelajar UKM. Persepsi mungkin berbeza bagi setiap pelajar yang berlainan gugusan. Malah, kajian tambahan diperlukan bagi memperbaiki hubungan pertukaran supaya ianya dapat mencerminkan sifat hubungan timbal balik dan kedua-dua belah pihak mendapat manfaat daripada hubungan yang terjalin. Kedua, empat dimensi dalam skala pengukuran Hon & Grunig (1999) iaitu kepercayaan, kepuasan, kawalan bersama dan komitmen tidak diambil kira. Keempat-empat dimensi ini turut boleh dijadikan sebagai kayu mengukur dalam melihat sejauh mana persepsi publik terhadap organisasi dan perkaitan dengan kemahiran insaniah. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya kajian ini boleh dijadikan perintis dalam meningkatkan lagi ukuran persepsi hubungan organisasi-publik dalam konteks persekitaran universiti. Penambahbaikan terhadap skala pengukuran Hon & Grunig (1999) boleh dilakukan agar lebih sesuai dalam konteks tempatan.

## PENGHARGAAN

Projek ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di bawah kod penyelidikan: UKM-SK-05-FRGS0077-2009. Penghargaan juga ditujukan kepada pelajar sarjana Pusat Pengajian Media dan Komunikasi iaitu Cik Kho Suet Nie dan Cik Norhayati Basri untuk menyusun semula kertas kerja ini.

## RUJUKAN

- Ambigapathy, P. & Aniswal, A. G. 2005. University curriculum: An evaluation on preparing graduates for employment. Institut Penyelidikan Tinggi Negara, Universiti Sains Malaysia.
- Berita Harian*. 27 April, 2006. Kenapa graduan tempatan kurang Diminati?
- Chang Peng Kee, & Musa Abu Hassan. 2006. The advertising-value-equivalent (AVE) method in quantifying economic values of public relations activities: Experience of a public-listed company in Malaysia. *Kajian Malaysia*, 24: 33-54.
- Chua Yan Piaw. 2009. *Statistik penyelidikan lanjutan: Ujian regresi, analisis faktor dan analisis SEM*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Cutlip, S. M., Center, A. H. & Broom, G. M. 1985. *Effective public relations*. 6th ed. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa, & Mus Chairil Samani. 2010. *Hala tuju pengajian komunikasi dan media di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Goleman, D. 1996. *Intelligent organization*. New York: Sage Pub.
- Grunig, J. E. 1992. Communication, public relations, and effective organizations: An overview of the book, in Grunig, J. E. (Ed.). *Excellence in public relations and communication management*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, 1-30.
- Grunig, J. E. & Huang, Y. H. 2000. From organizational effectiveness to relationship indicators: Antecedents of relationships, public relations strategies and relationship outcomes, in *Public relations as relationship management: A relational approach to the study and practice of public relations*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Hon, L. & Grunig, J. E. 1999. *Guidelines for measuring relationships in public relations*. Institute for public relations commission on PR measurement and evaluation, University of Florida.
- Huang Y. H. 2001. Values of public relations: Effects on organization-public relationships mediating conflict resolution. *Journal of Public Relations Research*, 13, 265-301.
- Kim, Y. 2001. Searching for the organization-public relationship: A valid and reliable instrument. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 78: 799-815.
- Ledingham, J. A. & Bruning, S. D. (Eds.) 2000. *Public relations as relationship management: A relational approach to the study and practice of public relations*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Morshidi Sirat, Abdul Majid Mohd, Rosni Bakar, Abdul Aziz Buang, & Mohd Haflah Piei. 2004. Kajian pencapaian akademik dan kebolehgunaan tenaga siswazah di institusi pengajian tinggi. Institut Penyelidikan Tinggi Negara, Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohd Ishak. 2009. Kepintaran emosi sebagai faktor peramal pencapaian akademik pelajar IPTA: Implikasi terhadap kebolehpasaran. <http://pkukmweb.ukm.my/jppp/wp-content/uploads/2009/03/noriah-et-al-tiada-muka-surat.pdf>.
- Noriah Mohd Ishak, Siti Rahayah Ariffin, Zuria Mahmud, Saemah Rahman, Manisah Mohd Ali, & Rosadah Abdul Majid. 2000. Relationship between IQ and EQ. Paper Presented at Learning Conference, Spetse Island, Greece.
- Ratna Roshida Abdul Razak, & Fazal Mohamed Sultan. 2008. Kurikulum universiti dan keperluan untuk memperoleh pekerjaan. Institut Penyelidikan Tinggi Negara, Universiti Sains Malaysia.
- Samsup, J., Hon, L. C., & Brunner, B. R. 2004. Organization-public relationships: Measurement validation in a university setting. *Journal of Communication Management*, 9: 14-27.
- Seltzer, T. & Mitrook, M. 2009. Two sides to every story: Using coorientation to measure direct and meta-perspectives of both parties in organization-public relationships. *Public Relations Journal*, 3(2): 1-24.

Chang Peng Kee (Dr.)  
Pusat Pengajian Mesia dan Komunikasi,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia.  
E-mail : chang@ukm.my.

Faridah Ibrahim ( Prof. Madya Dr.)  
Pusat Pengajian Mesia dan Komunikasi,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia.  
E-mail : fbi@ukm.my.

Fauziah Ahmad (Dr.)  
Pusat Pengajian Mesia dan Komunikasi,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600 UKM Bangi, Selangor. Malaysia.  
E-mail : zuhair@ukm.my.